SOALAN NO : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]

TARIKH : 2 DISEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk membina jalan masuk ke Hospital Pendang yang sedang dibina sekarang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Projek pembinaan Hospital Pendang, Kedah telah mula dilaksanakan pada 7 Mei 2018 dan dijangka siap pada 18 Disember 2021. Kementerian tidak bercadang untuk membina jalan masuk tersebut kerana faktor-faktor seperti berikut:

a) Jalan masuk ke Hospital Pendang telah sedia ada sekarang dan ianya boleh digunakan untuk askses ke Hospital Pendang kerana jalan sedia ada tersebut berada di hadapan tapak projek Hospital Pendang;

b) Jalan masuk yang sedia ada sekarang di hadapan Hospital Pendang tersebut merupakan jalan dua hala yang bertar di bawah kategori Jalan R3 dan berstatus "Jalan Negeri" yang diwartakan sebagai Jalan K544; dan

c) Pembinaan jalan adalah di luar skop kontrak projek Hospital Pendang dan tiada peruntukan bagi tujuan tersebut memandangkan ianya berada di luar sempadan tapak projek Hospital Pendang.

Sekiranya Kerajaan Negeri bercadang untuk menaik taraf jalan tersebut, maka permohonan baru hendaklah dikemukakan kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

Sekian, terima kasih.